

Protorch raih pingat emas SIIF di Korea Selatan

GONG BADAK - Pereka dari Fakulti Seni Reka Bentuk dan Inovatif, Mohd Hosni Rifin mengharumkan nama negara dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) apabila meraih pingat emas di Seoul International Invention Fair (SIIF) 2016 di Korea Selatan.

Mohd Hosni berkata, produk diberi nama *Protorch* itu merupakan beg dwifungsi yang mempunyai lampu penunjuk isyarat arah untuk penunggang basikal dan pejalan kaki.

Menurutnya, produk itu dihasilkan untuk meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya terhadap penunggang basikal dan pejalan kaki pada waktu gelap..

"*Protorch* mempunyai *hazard light* dan lampu penunjuk arah yang memberi isyarat ketika berbasikal serta berjalan kaki.

"Pelaksanaan ciri ke-



Mohd Hosni bersama produk dan pingat dimenanginya.

selamatan juga saya terapkan pada beg ini iaitu pemantul cahaya keselamatan yang lebih jelas pada bahagian atas untuk memudahkan pengguna jalan raya," katanya.

Ketika ditanya mengenai kejayaan dicapai, Mohd Hosni mengakui sama sekali tidak menyangka, namun tetap bersyukur dengan penghargaan diterimanya itu.

"Secara jujur ketika di-

umumkan sebagai pemenang, saya sendiri tidak sangka kerana kebanyak-an peserta mempunyai kehebatan tersendiri.

"Bagaimanapun, saya tetap bersyukur. Kejayaan ini secara tidak langsung akan meningkatkan lagi semangat saya untuk melakukan yang lebih baik pada masa akan datang," katanya.